



PERKHIDMATAN
BAGI MANUSIA

St. John Ambulans Malaysia

Ibu Pejabat Kebangsaan

YANG DIPERTUA

Perdana Menteri

Y.A.B. Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi,
DK1 (Johor), DK (Kelantan), DUK, SUMZ, SPMS, SSSJ, SPSA, SSAP,
SPDK, DUNM, DP, SPNS, DGNP, DSSA, DMPN, DJN, KMN, AMN

PEMERINTAH AGUNG

Dato' Dr. Low Bin Tick,
DPMS, DIMP, AMN, AMS, ORF, KSI, J, FRCP (Fdin), FAM
Tel: 03-2142 9522 012-202 0151
Fax: 03-2145 2164

TIMBALAN YANG DIPERTUA

Menteri Kesihatan

Y.B. Dato' Liow Tiong Lai, DIMP, SMP

SETIAUSAHA AGUNG KEHORMAT

En. Lai See Ming, KMN, AMN, ANS, PJK, CSI, J
Tel: 06-763 8189 012-311 9788
Fax: 06-763 8189 Email: seeming@sjam.org.my

No. 41, Jalan Shelley, 55100 Kuala Lumpur Telefon: 03-9285 1576 / 03-9281 5784 Fax: 03-9283 8075 Laman Web: <http://www.sjam.org.my>

PEMERINTAH AGUNG

Dato' Low Bin Tick,
DPMS, DIMP, AMN, AMS, ORF, KSI, J,
FRCP (Fdin), FAM

TIMBALAN PEMERINTAH AGUNG

Dato' Dr. Hj. Megat Burhainuddin
bin Megat Abdul Rahman,
PIL, DPMS, JSM, KMN, CSI, J

KETUA TURUS (Gerakan)

En. Lai See Ming,
KMN, AMN, ANS, PJK, CSI, J

KETUA TURUS (Latihan)

Dato' Dr. Lee Hoo Teong,
SAP, AMN, CSI, J, PJK, FAK, PINTAS

SETIAUSAHA AGUNG KEHORMAT

En. Lai See Ming,
KSI, AMN, ANS, PJK, CSI, J

BENDAHARI KEHORMAT

En. Hoh Hee Ooi, AMN, SB, SJ

KETUA PEGAWAI PERUBATAN

Prof. Dato' MR (Dr.) Hj. Abu Hassan Assari
bin Abdullah,
DIMP, KSD, AMN, PJK

KETUA PENGUASA (Gerakan)

En. V. S. Maniam,
PJK, PJK, PJK, CSI, J

KETUA PEGAWAI TURUS (Latihan)

Prof. Madya Dr. P. Jothi Malai, MD

KETUA PEGAWAI TURUS (Kebajikan Sosial)

En. V. Mohandasan,
AMS, PJK, SB, SJ, PJK, SB

KETUA PEGAWAI TURUS (Pentadbiran)

Dr. Loi Kheng Min, PhD

KETUA PEGAWAI KADET

En. V. Mohandasan,
AMS, PJK, SB, SJ, PJK, SB

Ruj : SJAM/NHQ/CS(O)/NFA&HNC/09(02)

Tarikh : 30 Mac, 2009

**Kepada: Semua Pemerintah Negeri/Wilayah.
Semua Pegawai Perubatan Negeri/Wilayah.
Semua Pegawai Perawatan Negeri/Wilayah.
Semua Setiausaha Kehormat Negeri/Wilayah.**

YB/Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan,

PERTANDINGAN PERTOLONGAN CEMAS DAN PERWATAN PERINGKAT KEBANGSAAN KE-51/2009.

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Ibu Pejabat Kebangsaan, St. John Ambulans Malaysia akan mengadakan Pertandingan Pertolongan Cemas Peringkat Kebangsaan Ke-51/2009 pada hari **Sabtu, 30 dan Ahad, 31 Mei 2009 di Kuala Lumpur (tempat pertandingan akan diberi tahu).**

3. Peraturan Pertandingan.

3.1. Bersama-sama surat ini dikepilkan Peraturan Pertandingan Pertolongan Cemas dan Perawatan Peringkat Kebangsaan Ke-51/2009 St. John Ambulans Malaysia. *Peraturan ini berkuatkuasa daripada 22 Mac 2009.*

3.2. Sila pastikan bahawa Pegawai Pengiring dan Ketua-Ketua Pasukan anda akan baca Peraturan-Peraturan Pertandingan tersebut dengan teliti untuk mengelakkan pasukan-pasukan dipataikan dari mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut di atas.

4. Borang-Borang Penyertaan Pertandingan.

4.1. Bersama juga dikepilkan Borang **A, B1, B2, B3, B4, C, D1 dan D2** untuk tindakan YB/Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan. Sila isikan borang-borang ini dengan HURUF BESAR (sila taip) dalam salinan-salinan yang ditetapkan. (Sila rujuk Panduan Untuk Mengisi Borang-Borang yang disertakan sebelum mengisikan borang-borang berkaitan.

**4.2. Sila hantar semua Borang-Borang asal yang lengkap kepada:-
Setiausaha Kehormat Pertandingan SEBELUM HARI RABU, 6 MEI
2009.**

4.3. Sila ambil perhatian: Borang-Borang tersebut jika diterima selepas tarikh tutup, **TIDAK AKAN DILAYAN** dan pasukan-pasukan anda **TIDAK BOLEH** mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut.

4.4. Jawatankuasa Induk Pertandingan tidak akan bertanggungjawab keatas sebarang kehilangan, kerosakan atau kelewatan borang permohonan sebelum atau selepas dikirimkan atau faksi. Bukti penghantaran secara pos atau faksi tidak akan diterima sebagai penerimaan. Keputusan Jawatankuasa Induk Pertandingan berhubung dengan pelbagai perkara mengenai pertandingan ini adalah muktamad. Sebarang surat menyurat atau pengesahan melalui talipon **TIDAK AKAN DILAYAN**.

5. Pakaian Seragam untuk Peserta Pertandingan.

5.1. Berhubung dengan Perintah AM bertarikh 1 Disember 2007, Pindaan-Pindaan Pakaian Seragam boleh digunakan pada masa pertandingan. **PAKAIAN SERAGAM LAMA MASIH BOLEH DIGUNAKAN. JIKA PINDAAN PAKAIAN SERAGAM DIGUNAKAN, SEMUA PESERTA DALAM SATU PASUKAN MESTI MEMATUHI PINDAAN TERSEBUT.** Sila ambil perhatian: Tahun ini adalah akhir untuk menggunakan pakaian seragam lama.

5.2. Semua peserta diwajibkan membawa pakaian seragam tambahan untuk Majlis Penyampaian Hadiah dan Piala pada hari Ahad, 31 Mei 2009.

6. Malam Suaikenal.

6.1. Sehubung pertandingan ini, satu Majlis Suaikenal akan diadakan pada malam hari Sabtu, 30 Mei 2009. Negeri/Wilayah dikehendaki mengambil bahagian dalam acara-acara yang disediakan oleh Jawatankuasa Majlis Malam Suaikenal.

7. Piala / Trofi.

7.1. Negeri/Wilayah yang masih belum mengembalikan semua Piala/Trofi yang dimenangi dalam pertandingan tahun 2008, sila kembalikan ke Ibu Pejabat Kebangsaan **sebelum 27 April 2009.**

7.2. Piala/Trofi yang dihantar selepas tarikh tersebut diatas, Negeri/Wilayah berkenaan akan didenda dengan keputusan Jawatankuasa Induk Pertandingan.

8. Penyokong-Penyokong Pertandingan

8.1. Jawatankuasa Induk Pertandingan menjemput semua Pegawai-pegawai dan ahli-ahli sebagai penyokong dari semua Negeri/Wilayah. Bayaran setiap penyokong adalah RM70.00 seorang meliputi makan, minum dan penginapan. Makan termasuk makan tengah hari pada hari Sabtu, 30 Mei hingga "High Tea" selepas Majlis Penutupan pada hari Ahad, 31 Mei 2009.

8.2. **SEMUA PENYOKONG AHLI SJAM MESTI MEMAKAI PAKAIAN SERAGAM BERTUGAS SEMASA PERTANDINGAN DIJALANKAN.** Ahli-Ahli keluarga dan lain-lain diminta memakai pakaian kemas.

9. Perkara Am

9.1. Negeri/Wilayah yang mengambil bahagian dalam pertandingan, diminta membawa bendera Negeri/Wilayah masing-masing.

9.2. Sila ambil perhataian hanya Pegawai-Pegawai Pengiring akan dilayani semasa pertandingan dijalankan. Lain-lain Pegawai **TIDAK AKAN DILAYAN.**

Akhir sekali kami berharap semua Negeri/Wilayah akan membuat persediaan dan memberikan latihan yang secukupnya kepada pasukan-pasukan masing-masing.


Jawatankuasa Induk Pertandingan akan memilih pasukan-pasukan yang terbaik untuk mewakili St. John Ambulans Malaysia dalam Pertandingan Pertolongan Cemas dan Perawatan antara Malaysia/Singapura yang akan diadakan pada 21 Jun 2009.

Segala kerjasama dan sokongan YB/Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan, untuk menjayakan pertandingan ini, didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT BAGI MANUSIA DAN NEGARA”

Saya Yang Menurut Perintah,



V. S. MANIAM

Ketua Penguasa (Gerakan)

merangkap Pengerusi, Pertandingan
Pertolongan Cemas dan Perawatan
Peringkat Kebangsaan Ke-51/2009

Sk *Pemerintah Agung
Timbalan Pemerintah Agung
Ketua Turus (Gerakan)
Ketua Turus (Latihan)
Setiausaha Agung Kehormat
Ketua Pegawai Perubatan
Bendahari Kehormat Kebangsaan
Timbalan Pemerintah Negeri/Wilayah
Semua Ahli Jawatankuasa Induk Pertandingan*